

Garis Panduan

**Sertu Menurut**

**Perspektif Islam**

جایة تکمیل و اسلام ملیسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

© JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
[www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my)

Bahagian Hab Halal  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.  
Aras Bawah, Blok 2200,  
Bangunan Enterprise 3 Persiaran APEC,  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

Cetakan Kedua.....Mac 2013  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

(Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam ini adalah sebahagian daripada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia)

**Aturhuruf & Rekabentuk**  
Astaka Minda Solutions  
No. 21 Jalan 8/2A Taman Wilayah  
68100 Batu Caves Selangor

**Cetakan**  
Concept Press Sdn. Bhd. No. 26, Jalan SU 26,  
Selayang Utama Industrial Park,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1. Tujuan	4
2. Latar Belakang	4
3. Takrif Sertu	5
4. Tafsiran	5
5. Hikmah Sertu	6
6. Spesifikasi atau jenis tanah	6
7. Spesifikasi atau jenis air	6
8. Pengecualian	6
9. Cara Melakukan Sertu Mengikut Syarak	6
10. Cara Sertu Premis Dan Barang Gunaan Dengan Menggunakan Tanah	7
11. Cara Penyediaan Tanah	9
12. Contoh Cara Sertu Mesin Pembuatan Ubat, Kontena, Dapur, Paip dan Tangki	9
13. Cara Sertu Dengan Menggunakan Sabun Tanah Liat	10
14. Cara Menggunakan Sabun Tanah Liat	10
15. Cara Untuk Sertu Tangan Yang Dicemari Najis	12
16. Cara Sertu Meja Penyediaan Yang Telah Tercemar	13
17. Cara Sertu Lantai (kawasan penyediaan / penerimaan) Jika Telah Tercemar oleh Najis <i>Mughallazah</i>	14
18. Cara Sertu Mesin Yang Telah Tercemar Dengan Najis <i>Mughallazah</i>	15
Penutup	17

## GARIS PANDUAN SERTU MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### 1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam menguruskan proses sertu bagi kilang, premis, peralatan, pakaian, atau anggota manusia dan sebagainya yang terkena najis mughallazah untuk memastikan semua perkara tersebut suci dari segi syarak. Garis panduan ini juga menjelaskan secara terperinci kepada mana-mana pihak yang memerlukan panduan dalam proses sertu menurut pandangan syarak.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Islam adalah agama yang mementingkan kebersihan dan kesucian dalam dua aspek iaitu fizikal dan spiritual. Aspek kebersihan fizikal merangkumi kebersihan diri, tempat, pakaian, peralatan, dan sebagainya. Ini penting bagi memastikan semua amal ibadat yang dilakukan oleh umat Islam adalah selaras dengan tuntutan syarak.
- 2.2 Oleh itu, setiap orang Islam bertanggungjawab mempelajari dan mengamalkan konsep kebersihan dan kesucian dalam kehidupan mereka.
- 2.3 Justeru sesebuah industri, premis, peralatan, pakaian dan sebagainya yang diyakini terkena najis *mughallazah* babi, anjing dan keturunan keduanya, wajib disertu dengan satu (1) kali air bercampur tanah dan enam (6) kali air mutlak. Ini selaras dengan sabda Nabi SAW :

عن أبي هريرة قال: قال رسول الله (ص) طهوروا إلاد، أخذكم، إذا وقع فيه الكلب، أن يغسلة سبع مرات، أولهن بالتراب.  
(رواوه مسلم)

Maksudnya : Daripada Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW telah bersabda “Bersihkanlah bekas makanan kamu yang telah dijilat anjing dengan tujuh (7) kali basuhan dan yang pertama daripadanya dengan tanah”.

(Hadith Riwayat Muslim)

- 2.4 Isu sertu sering kali mendapat perhatian oleh sesetengah masyarakat Islam dan bukan Islam. Ini kerana kedapatan sesetengah kilang, premis, kapal, hotel milik bukan bumiputera dan sebagainya yang memproses sesuatu produk atau menyediakan menu makanan kepada pelanggan muslim, menggunakan barang untuk memasak atau menggunakan peralatan yang

telah terkena najis *mughallazah* seperti produk yang disahkan mengandungi DNA babi.

- 2.5 Ia termasuklah dapur, peralatan memasak, pusat penyembelihan, rumah kediaman, kenderaan dan seumpamanya yang telah tercemar dengan najis *mughallazah*. Justeru, masyarakat Islam di Malaysia hari ini, amat memerlukan satu garis panduan bagi membersihkan najis *mughallazah* dengan cara yang betul iaitu menurut perspektif Islam.

### 3. Takrif Sertu

- 3.1 **Sertu** menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah **menyucikan manama bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali, menyamak.**
- 3.2 Sertu juga bermaksud **menyucikan sesuatu daripada najis *mughallazah* iaitu anjing, babi dan keturunannya**. Najis *mughallazah* hendaklah disuci dengan membasuhnya menggunakan satu (1) kali dengan air bercampur tanah dan diikuti enam (6) kali dengan air bersih/mutlak.

### 4. Tafsiran

- 4.1 Bagi tujuan garis panduan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
- Najis** *mughallazah* semua perkara yang bersumber dari anjing atau babi atau keturunan dari keduanya sama ada berupa jilatan, air liur, daging, lemak, tulang atau apa-apa ‘extract’ daripada keduanya adalah dianggap sebagai najis *mughallazah* (najis berat).
  - Air mutlak**, air suci yang tidak dicemari oleh sesuatu yang najis sehingga mengubah bau, rasa dan warna air tersebut.
  - Ain al-najasat** najis yang boleh dilihat dengan mata iaitu zat najis tersebut.
  - Sertu** membasuh najis *mughallazah* dengan tujuh (7) kali air bersih di mana salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Sebaik- baiknya air yang pertama dicampur dengan tanah kemudian diikuti dengan enam (6) kali basuhan menggunakan air mutlak yang lain.

## 5. Hikmah Sertu

Amalan sertu adalah satu perkara ibadat yang telah disarankan oleh Baginda Rasulullah SAW melalui hadith-hadith yang telah diriwayatkan. Amalan ini dianggap sebagai perkara ‘*li ta’abbudi*’ iaitu melakukan sertu seperti mana yang telah disarankan oleh Baginda. Antara hikmah sertu ialah untuk menghindarkan penyakit dari dijangkiti oleh sebarang kuman yang terdapat pada binatang. Hikmahnya yang lain juga adalah untuk menunjukkan Islam ialah agama yang mementingkan kebersihan dalam penggunaan peralatan harian.

## 6. Spesifikasi atau jenis tanah

Dalam kaedah sertu ini, tanah yang digunakan mestilah :

- i. Tidak mengandungi unsur najis.
- ii. Bebas daripada sebarang kekotoran seperti minyak dan sebagainya.
- iii. Bukan tanah yang telah digunakan untuk tayammum (musta’mal).

## 7. Spesifikasi atau jenis air

Air yang digunakan dalam kaedah sertu mestilah :

- i. Air bersih/suci ( air mutlak ).
- ii. Bukan air musta’mal ( air yang telah digunakan).
- iii. Air yang tidak tercemar dengan sebarang unsur najis.

## 8. Pengecualian

Sertu tidak boleh dilakukan pada anggota dalaman seseorang manusia yang hidup. Seumpama seorang yang termakan sesuatu dari sumber najis *mughallazah* maka dia tidak perlu melakukan sertu dengan meminum air bercampur tanah. Begitu juga tidak perlu bagi seorang yang memeluk Islam untuk sertu segala anggotanya yang pernah tersentuh dengan najis *mughallazah* sebelum keislamannya.

## 9. Cara Melakukan Sertu Mengikut Syarak

Terdapat dua cara melakukan sertu mengikut syarak iaitu:

- i. Cara sertu dengan menggunakan tanah.
- ii. Cara sertu dengan menggunakan sabun tanah liat.

## **10. Cara Sertu Premis Dan Barang Gunaan Dengan Menggunakan Tanah.**

Apabila sesuatu yang suci terkena najis mughallazah dalam keadaan basah maka wajib disertu untuk menyucikannya kembali sebagaimana langkah-langkah berikut:



- (a) Langkah pertama ialah menghilangkan segala ain najasat yang ada terlebih dahulu sehingga bersih dan tidak kelihatan ain najasat itu lagi dengan mata kasar.



- (b) Menyediakan air secukupnya dengan mencampurkan sedikit tanah ke dalamnya sehingga tanah tersebut mengubah warna air mutlak menjadi warna tanah dan meratakan sebatian tersebut.



- (c) Membasuh tempat atau objek yang terkena najis mughallazah dengan air bercampur tanah tersebut sehingga meratai tempat yang dikehendaki sebagai basuhan pertama.



- (d) Selepas selesai basuhan pertama, maka hendaklah dibasuh tempat atau objek berkenaan dengan mengulangi proses yang sama sebanyak enam kali lagi menggunakan air mutlak sehingga selesai tujuh basuhan kesemuanya.



- (e) Pada basuhan kali kedua atau ketiga adalah dibolehkan untuk mencampurkan agen pencuci seperti sabun yang diyakini suci jika diperlukan, begitu juga boleh mencampurkan pewangi pada basuhan kali terakhir, seperti mencampurkannya ketika membersih najis mughallazah pada sofa atau pakaian.

## 11. Cara Penyediaan Tanah

Tanah yang hendak digunakan untuk sertu mestilah tanah yang suci yang tidak mengandungi unsur najis, bebas daripada sebarang kotoran seperti minyak dan bukan tanah yang telah digunakan untuk tayammum (musta'mal). Antara cara penyediaan tanah yang baik adalah seperti berikut :

- i. Tanah yang baik digunakan adalah tanah liat seperti tanah untuk membuat barang tembikar, yang diambil sekurang-kurangnya 4 meter dibawah paras bumi.
- ii. Tanah tersebut hendaklah dijemur kering, dihancurkan sehingga menjadi debu dan dipastikan tidak tercemar dengan sesuatu najis.
- iii. Debu yang terkumpul itu dijadikan sebagai bahan utama untuk proses sertu yang hendak dilaksanakan.
- iv. Walau bagaimanapun, sekiranya sukar mendapatkan tanah yang baik, maka cukup sekadar menggunakan mana-mana bahagian tanah yang diyakini suci dan bersih sahaja.

## 12. Contoh Cara Sertu Mesin Pembuatan Ubat, Kontena, Dapur, Paip dan Tangki

Sekiranya kilang tersebut memiliki alat-alat kompleks yang menyusahkan untuk dibuka seperti kilang ubat-ubatan maka sertu boleh dilakukan dalam keadaan berikut:

- i. Campuran air dan tanah mestilah melebihi 0.6% hingga 2.5% mengikut kepekatan air yang diperlukan.
- ii. Bagi barang yang sensitif maka sebatian air bercampur tanah tersebut boleh diletakkan di dalam botol 'spray' dan disembur ke permukaan yang hendak disertu sehingga air tersebut mengalir sebagai cucian pertama.
- iii. Untuk sertu bahagian kepala yang memadatkan (*compress*) debu menjadi ubat maka perlu menyediakan satu sebatian tanah yang lembab dan boleh dicampur dengan bahan pembuatan ubat (yang kosong – '*base component*') dan dilalui ke dalam mesin pembuatan itu sebagai basuhan pertama, manakala selepas itu boleh diikuti dengan enam (6) kali sebatian lembab yang lain.
- iv. Untuk sertu bahagian 'operational line' seperti 'convey belting' maka hendaklah dibasahkan kain/sponge dengan air bercampur tanah dan dialirkan keseluruh '*operational line*' bagi basuhan pertama. Selepas itu proses yang sama hendaklah diulang sebanyak enam (6) kali lagi menggunakan air bersih yang biasa atau yang mempunyai campuran bahan yang suci.

- v. Untuk sertu kontena maka sebatian air tanah yang secukupnya hendaklah disediakan kemudian disembur ke permukaan kontena sehingga mengalir dan digosok dengan penyapu untuk meratakan air tersebut ke seluruh permukaan kontena terbabit.
- vi. Bagi sertu dapur maka hendaklah dibersihkan dapur tersebut dari minyak dan *ain najasat* yang lain sebelum diratakan dengan air yang dibancuh dengan tanah sehingga rata.
- vii. Bagi saluran paip yang perlu disertu maka hendaklah disediakan sebatian air bercampur tanah yang mencukupi dan dilalui ke dalam paip berkenaan sama ada menggunakan pam atau alatan yang bersesuaian.
- viii. Bagi tangki penyimpanan maka hendaklah diratakan air sebatian ke permukaan dalam tangki tersebut.

### 13. Cara Sertu Dengan Menggunakan Sabun Tanah Liat

Semua industri, premis, peralatan, pakaian, pengangkutan, anggota badan manusia dan sebagainya yang terkena najis mughallazah harus menggunakan sabun tanah liat untuk digunakan sebagai pengganti tanah dalam proses sertu sepertimana yang telah dipersetujui oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-76 pada 21-23 November 2006 seperti berikut:

*“Sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak”.*

### 14. Cara Menggunakan Sabun Tanah Liat



- (a) Sediakan air bersih yang mencukupi dan sabun tanah liat.



(b) Campurkan sabun tanah liat ke dalam air bersih dengan memastikan sabun dihancurkan.



(c) Air telah sedia untuk digunakan bagi proses sertu.



(d) Alirkan air sabun tanah liat pada alatan yang hendak disertu untuk menghilangkan najis yang sedia ada bagi memulakan proses sertu.



- (e) Selepas itu, bersihkan alatan tersebut dengan air mutlak/bersih sebanyak enam (6) kali.



- (f) Setelah selesai proses sertu, bersihkan alatan tersebut dengan bahan pencuci yang dibenarkan dan mesti disanitasi selama 60 saat. Selepas itu keringkan alatan tersebut.

### 15. Cara Untuk Sertu Tangan Yang Dicemari Najis



- (a) Basuh tangan dengan mengalirkan air sabun tanah liat untuk menghilangkan najis yang terkena pada mana-mana anggota sehingga hilang bau, rasa dan warna .



(b) Selepas itu, basuh semula tangan dengan air bersih sebanyak enam (6) kali.



(c) Setelah selesai sertu, sanitasi tangan anda dan bilas dengan air bersih. Keringkan tangan dengan tuala dan sebagainya.

#### 16. Cara Sertu Meja Penyediaan Yang Telah Tercemar



(a) Alirkan air sabun tanah liat pada seluruh meja penyediaan untuk membersihkan kawasan tercemar.



- (b) Pastikan air sabun tanah liat itu mengalir seluruh meja tersebut dan dicuci sehingga hilang bau, rasa dan warna. Selepas itu, basuh sekali lagi dengan air bersih sebanyak (6) enam kali.



- (c) Setelah selesai proses sertu, meja tersebut mesti dibasuh sekali lagi dengan menggunakan pencuci yang dibenarkan dan disanitasi.

#### 17. Cara Sertu Lantai (kawasan penyediaan/penerimaan) Jika Telah Tercemar oleh Najis *Mughallazah*



- (a) Basuh permukaan lantai dengan mengalirkan air sabun tanah liat pada kawasan yang terkena najis dengan satu kali (1) basuhan sehingga hilang bau, rasa dan warna.



- (b) Selepas itu, basuh sekali lagi dengan mengalirkan air bersih/air mutlak sebanyak enam (6) kali.



- (c) Setelah selesai proses serta, basuh sekali lagi dengan menggunakan pencuci yang dibenarkan dan disanitasi.

#### 18. Cara Sertu Mesin Yang Telah Tercemar Dengan Najis *Mughallazah*



- (a) Air sabun tanah liat boleh disembur atau dibasuh sehingga ia mengalir pada bahagian mesin ( oven ) yang tercemar najis dan hilang bau, rasa dan warna. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan mesin tersebut rosak.



(b) Selepas itu, basuh sebanyak enam (6) kali dengan mengalirkan air bersih/mutlak. Langkah ini boleh dilakukan dengan menggunakan kain basah bertujuan untuk mengelakkan kerosakan pada mesin.

**19. Kaedah sertu juga dilakukan pada keadaan-keadaan berikut:**

- i. Pihak syarikat telah membeli mesin terpakai dan diyakini penggunaannya terdahulu telah tercemar dengan najis mughallazah.
- ii. Perubahan proses pengeluaran dari produk non halal ke produk halal yang melibatkan penggunaan mesin yang sama.
- iii. Tempat penyimpanan produk non halal ditukar untuk penyimpanan produk halal (sejuk beku dan sejuk dingin).
- iv. Kediaman yang dibeli daripada non muslim dan diyakini status kebersihan dan kesuciannya tercemar dengan najis mughallazah.
- v. Pengangkutan yang telah membawa produk non halal dan hendak ditukarkan untuk membawa produk halal.
- vi. Pakaian dan sebagainya yang terkena najis mughallazah.

**20. Proses sertu perlu dipantau dan disahkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di sesbuah kilang, premis, hotel dan sebagainya.**

- i. Ahli Jawatankuasa Halal syarikat perlu memastikan perkara yang berkaitan dengan pertukaran/perubahan proses pengeluaran atau penyimpanan dari produk non halal ke produk halal tidak berlaku pada masa depan.
- ii. Halal Executive ( Pengurusan Kualiti Makanan ) mesti menghubungi JAIN atau JAKIM sekiranya terdapat isu-isu berkaitan halal terutamanya yang melibatkan proses sertu.
- iii. Pihak syarikat perlu mengemukakan surat permohonan sertu kepada pihak JAIN sekiranya diperlukan.

- iv. Ahli Jawatankuasa Halal perlu melantik hanya pekerja Muslim sahaja yang akan melakukan sertu.
- v. Pegawai JAIN perlu memantau dan mengesahkan proses sertu dilakukan dengan betul mengikut syarak.
- vi. Surat rasmi pengesahan sertu perlu dikeluarkan oleh pihak JAIN kepada syarikat berkenaan.

## 21. PENUTUP

Islam amat mementingkan kebersihan dalam penggunaan peralatan sehari-hari. Amalan sertu merupakan antara perkara terpenting untuk menghilangkan kuman-kuman penyakit yang terdapat pada peralatan atau kawasan-kawasan yang terkena najis khususnya najis *mughallazah*. Pihak-pihak yang berkaitan hendaklah merujuk kepada garis panduan ini sebagai parameter dalam menentukan cara sebenar sertu yang diharuskan oleh syarak.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Putrajaya

Nota Hujung

<sup>1</sup> *Fathu al-Mu'in Sharh Sahih Muslim, Dar al-Syuruk*, j.2, h.223.  
<sup>2</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat

*Nota Catatan*



## Nota Catatan



## *Nota Catatan*